

TARIKH : 26/1/2023

SURAT KABAR : METRO

MUKA SURAT : 7

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Terpaksa tinggal dan ti-
dur berhimpit-himpit
tidak ubah seperti da-
lam kandang lembu atau
kerbau.

Itu luahan Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berhubung nasib 526 pekerja asing warga Nepal, Bangladesh dan Myanmar susulan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di tiga kilang di daerah ini pagi semalam.

Hasil pemeriksaan mengejut itu mendapati majikan tidak menyediakan kemudahan penginapan yang selesa kepada pekerja asing masing-masing.

Beliau berkata, menerusi pemeriksaan di tiga kilang berasaskan produk kayu dan getah di sekitar Klang mendapati keadaan tempat penginapan pekerja asing adalah mendukacitakan.

Katanya, pekerja tidak diberi tempat yang sesuai untuk tinggal selain bilik dalam keadaan buruk serta sempit yang mana ada enam katil dalam sebuah bilik.

Macam kandang lembu

Keadaan tempat tinggal untuk 526 pekerja asing di tiga kilang sekitar Klang



SIVAKUMAR bersama JTK membuat pemeriksaan asrama pekerja warga asing ketika Operasi Bersepadu Akta 466 Port Klang di sebuah kilang di sekitar Aman Perdana, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Jelasnya, pekerja juga ti-
dak diberi tilam dan apabila
ditanya mereka memaklum-

kan tidak pernah ada tilam.
“Perkara ini perlu diberi
perhatian serius termasuk

kepada semua majikan se-
luruh negara yang mahu
menggaji pekerja asing. Me-

batan Keselamatan dan Ke-
sihatan Pekerjaan) serta ti-
dak mencarum di bawah
Pertubuhan Keselamatan
Sosial (Perkeso),” katanya.

V Sivakumar berkata, tem-
pat tinggal yang tidak me-
matuhi syarat, sekali gus
akan membahayakan peker-
ja serta akan menjadi isu
besar jika berlaku sesatu
musibah.

“Ini adalah amaran kepada
majikan seluruh negara be-
rikutan Malaysia akan
membawa masuk ramai
pekerja asing untuk
keperluan lima sektor
yang sudah diumumkan”

Sivakumar

reka perlu memastikan tem-
pat penginapan yang se-
suai.

“Hasil pemeriksaan dilau-
kukan mendapati majikan
kilang berkenaan melaku-
kan beberapa kesalahan me-
ngikut akta yang dikuatku-
sakan oleh JTKSM antaranya
Seksyen 24D Akta 446 dan
juga kesalahan mengikut Pe-
raturan 3 dan 4 akta sama.

“Majikan juga melakukan
kesalahan mengikut akta di-
kuatkuasakan oleh JKPP (Ja-

“Kami longgarkan perkara
itu (kemasukan pekerja
asing), tetapi kami perlu
pastikan bila mereka datang
(ke Malaysia) mereka mem-
punyai tempat tinggal yang
sesuai,” katanya.

Turut menyertai operasi
adalah Timbalan Menteri
Sumber Manusia, Mustapha
Saknud dan Timbalan Ke-
tua Setiausaha (Dasar) KSM
A Maniam.